



# The Observer

02.06.2023

## ❖ Dua konsep untuk kejayaan pelaburan jangka panjang

### 1. Kad tebuk 20 slot

Bayangkan anda hanya boleh membuat 20 pelaburan sepanjang hayat anda. Apakah anda akan melakukannya secara berbeza?

Salah satu idea pelaburan Warren Buffett yang jarang diperkatakan ialah kad tebuk 20 slot.

Dalam sebuah ceramah di sekolah perniagaan pada tahun 1994, Charlie Munger, yang merupakan orang kanan Buffett, berkata:

*Apabila Warren memberikan ceramah di sekolah perniagaan, dia berkata, "Saya boleh meningkatkan kebajikan kewangan anda dengan memberikan anda sekeping tiket yang mempunyai hanya 20 slot di dalamnya. Setiap slot mewakili satu peluang maka anda mempunyai 20 peluang. Setiap peluang mewakili semua pelaburan yang perlu anda lakukan seumur hidup. Sebaik sahaja anda habis menebuk kad itu, anda tidak boleh membuat apa-apa pelaburan lagi."*

*Beliau menambah, "Di bawah peraturan itu, anda perlu berfikir semasak-masaknya tentang langkah yang akan anda ambil dan anda akan dipaksa untuk melaksanakan tindakan yang sudah bermain-main dalam fikiran anda. Jadi anda akan memilih jalan yang lebih baik."*

Konsep ini mudah – ia bermaksud anda dihadkan untuk membuat hanya 20 pelaburan sepanjang hayat anda. Jadi, setiap tebukan mewakili keputusan kewangan yang besar. Apabila anda menebuk satu slot, anda mempunyai baki 19 lagi. Kemudian 18 dan seterusnya. Selepas 20 tebukan, tugas pelaburan anda dianggap sudah selesai.

Pendekatan kad tebuk 20 slot ini memaksa anda untuk memfokuskan pelaburan anda kepada beberapa perniagaan besar yang benar-benar anda fahami. Hakikatnya, anda tidak perlu membuat sehingga 20 keputusan pelaburan yang tepat. Sedikit sahaja sudah memadai untuk jangka panjang.

Pendekatan ini juga mengurangkan godaan anda untuk berdagang saham. Jika anda hanya diberikan 20 peluang, anda tidak akan berdagang saham hanya kerana pelawaan atau ajakan seseorang. Anda akan berfikir sedalam-dalamnya. Setiap keputusan yang dibuat menghasilkan kos peluang. Usah sia-siakan slot seterusnya.

Konsep kad tebuk ini telah banyak memberikan manfaat kepada Buffett sejak 58 tahun yang lalu. Dalam surat tahunannya yang terkini (2022), Buffett berpesan kepada para pemegang saham:

*“Prestasi kami yang memuaskan adalah hasil daripada **kira-kira sedozen keputusan yang betul-betul bernas** - kira-kira **satu bagi setiap lima tahun** – dan kadang-kadang kita terlupa kelebihan yang memihak kepada pelabur jangka panjang seperti Berkshire.”*

Apabila anda sudah menguasai konsep pelaburan menggunakan kad tebuk, anda akan:

- Berfikir dengan teliti tentang idea pelaburan anda
- Hanya melabur dalam perniagaan yang menguntungkan
- Sabar menunggu peluang yang sesuai
- Kurangkan kesilapan kerana anda kurang aktif berdagang
- Melabur untuk jangka panjang
- Nikmati pelaburan dan kehidupan yang lebih baik

## 2. Tuliskan tesis pelaburan anda

Semua orang maklum Buffett adalah pelabur yang hebat. Dan bukan kebetulan beliau juga antara penulis terbaik. Surat tahunannya kepada para pemegang saham ditulis dengan jelas, mudah dibaca, mengujakan dan ringkas.

Inilah hasil pemikiran yang jernih. Menulis boleh menjadikan anda pelabur yang lebih baik kerana ia menjernihkan proses pemikiran anda. Ia juga memaksa anda untuk berfikir secara logik.

Disebabkan itulah Buffett menasihatkan pelabur supaya menulis tesis pelaburan mereka:

*“Zahirkan keputusan anda dengan melihat cermin. Berkatalah kepada diri sendiri, “Aku membeli 100 saham General Motors pada harga \$55 kerana...” Saham ini sudah menjadi tanggung jawab anda apabila anda membelinya. Mesti ada sebab mengapa anda membeli saham ini dan jika anda tidak dapat menyatakan sebabnya, anda tidak sepatutnya membeli saham itu. Anda mahu membeli kerana terpengaruh oleh seseorang dalam sebuah majlis koktel? Alasan itu tidak cukup kukuh! Ia bukan semata-mata disebabkan oleh volum atau kerana cartanya kelihatan bagus. Alasannya mesti cukup kuat kerana anda membeli perniagaan itu. Berpegang teguh kepada keputusan yang kita buat secara berhemat. Itulah salah satu perkara yang diajarkan oleh Ben Graham kepada saya.”*

Menurut Buffett, latihan ini menjadikan anda lebih rasional. Anda belajar dan berfikir apabila anda menulisnya. Anda mungkin terfikir, sesuatu perkara nampaknya masuk akal tetapi apabila anda mula mencoretkannya di atas kertas, ia mungkin nampak tidak munasabah. Apabila anda memuntahkan isi pemikiran anda ke atas kertas, anda dapat melihat sama ada semuanya dapat disuai padan. Anda juga akan menemui perkara baharu yang tidak pernah terlintas dalam fikiran anda.

Tesis pelaburan anda seharusnya dapat diringkaskan kepada beberapa perenggan. Tuliskan sebab-sebab anda menyukai syarikat tertentu. Apakah pemacu utama

pelaburan ini? Apakah nilai intrinsiknya? Apakah pulangan yang dijangkakan? Tesis pelaburan anda tidak perlu terlalu panjang. Satu atau dua halaman sudah memadai.

Jika anda tidak dapat menzahirkan sebab-sebab untuk membeli sesuatu pelaburan di atas kertas, batalkan niat anda untuk membelinya. Ini bermakna anda tidak benar-benar memahami syarikat itu. Beralih ke syarikat yang seterusnya.

Jadikan suatu kelaziman untuk menulis tesis pelaburan anda sebelum anda melabur. Tindakan ini akan membantu anda membuat keputusan pelaburan berdasarkan fakta dan alasan yang munasabah. Tambahan pula, jika anda menjumpai maklumat baharu yang membuktikan terdapat kesilapan dalam tesis pelaburan anda, ambillah tindakan segera. Usah bertangguh.

### **Kesimpulannya**

Kedua-dua konsep ini dapat membantu melancarkan proses pelaburan anda dan meningkatkan prestasi anda dari semasa ke semasa. Anda hanya perlu fokus kepada perkara yang anda benar-benar faham dan sabar menunggu peluang yang sesuai. Amalkan sikap selektif. Anda tidak perlu menjadi Profesor Serba Tahu yang mengetahui segala-galanya tentang semua perkara, sebaliknya fokuskan kepada idea terbaik anda untuk melabur dengan berkesan. Perniagaan yang hebat jarang ditemui maka anda perlu melabur dalam jumlah yang bersesuaian dan memegangnya untuk jangka panjang.

Teruskan belajar dan menulis.

**Jackson Tan**  
**Pengurus, Pemantauan Korporat**

---

### **Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 5 hingga 9 Jun 2023**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

<b>Tarikh dan Masa</b>	<b>Syarikat</b>	<b>Tinjauan ringkas</b>
06.06.23 (Selasa) 10.00 pagi	MI Technovation Berhad (AGM)	Kumpulan mencatatkan pendapatan berjumlah RM389.5 juta pada tahun kewangan 2022, dengan peningkatan kecil sebanyak 3.7% daripada RM375.5 juta setahun yang lalu. Unit Perniagaan Peralatan Semikonduktor ( <i>Semiconductor Equipment Business Unit, SEBU</i> ) menyumbang RM182.9 juta atau 47% daripada pendapatan keseluruhan Kumpulan manakala Unit Perniagaan Bahan Semikonduktor ( <i>Semiconductor Material Business</i>

		<p>Unit, SMBU) menyumbang RM206.6 juta atau 53%.</p> <p>Sementara itu, untung sebelum cukai (<i>profit before tax</i>, PBT) meningkat 18.8% kepada RM75.4 juta. Margin PBT yang lebih tinggi sebanyak 19.4% berbanding 16.9% bagi tahun kewangan 2021 sebahagian besarnya disumbangkan oleh keuntungan pertukaran mata wang asing dan peningkatan dalam pendapatan sewa dan faedah.</p>
06.06.23 (Selasa) 10.30 pagi	Sinaran Advance Group Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan menyusut 44.2% tahun ke tahun kepada RM56.9 juta pada tahun kewangan 2022 (tahun kewangan 2021: RM102.0 juta) berikutan sumbangan yang lebih rendah daripada perniagaan pembinaan dan kasut sukan.</p> <p>Dari segi keuntungan, ia melaporkan peningkatan dalam rugi sebelum cukai sebanyak RM8.3 juta pada tahun kewangan 2022 (tahun kewangan 2021: rugi sebelum cukai berjumlah RM5.8 juta). Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh penurunan dalam untung kasar dan peningkatan perbelanjaan operasi, terutamanya kerugian rosot nilai ke atas penghutang berjumlah RM2.7 juta.</p>
07.06.23 (Rabu) 10.00 pagi	UEM Sunrise Berhad (AGM)	<p>Pendapatan UEM Sunrise pada tahun kewangan 2022 meningkat sebanyak 24% berbanding tahun kewangan 2021, manakala untung kasar meningkat sekali ganda berbanding tahun kewangan 2021.</p> <p>Kumpulan mencatatkan untung bersih sebanyak RM80.5 juta, berbanding rugi RM213.1 juta pada tahun kewangan 2021. Ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh penurunan kira-kira 27% perbelanjaan operasi Kumpulan dan peningkatan dalam prestasi usaha sama dan syarikat bersekutu.</p> <p>Lembaran imbangannya kekal berdaya tahan, dengan baki tunai</p>

		<p>sebanyak RM1.03 bilion pada 31 Disember 2022 manakala penggearan bersih kekal terurus pada 0.48x.</p>
<p>07.06.23 (Rabu) 10.00 pagi</p>	<p>Malaysian Resources Corporation Berhad (AGM)</p>	<p>Pada tahun kewangan 2022, MRCB mencatatkan pendapatan berjumlah RM3.2 bilion dan untung sebelum cukai (<i>profit before tax</i>, PBT) berjumlah RM154 juta, berbanding pendapatan RM1.4 bilion dan PBT RM61 juta pada tahun kewangan 2021.</p> <p>Peningkatan dalam prestasi kewangan sebahagian besarnya disebabkan oleh operasi yang kembali normal selepas dua tahun tergugat akibat pandemik COVID-19. Justeru, terdapat peningkatan dalam pendapatan dan pengiktirafan keuntungan daripada kemajuan pembinaan serta pemulihan dalam jualan hartanah.</p> <p>Prestasinya juga mencerminkan penyatuan projek LRT3 setahun penuh pada tahun 2022. Walaupun terjejas oleh kekurangan buruh dan bahan, syarikat berjaya mencapai kemajuan pembinaan fizikal sebanyak 81% dan kemajuan kewangan sebanyak 75% pada 31 Disember 2022. Ia juga berada di landasan yang betul untuk disiapkan pada tahun 2024.</p>
<p>07.06.23 (Rabu) 10.00 pagi</p>	<p>Innature Berhad (AGM)</p>	<p>InNature baru-baru ini melaporkan untung bersih yang lebih rendah sebanyak RM3.0 juta (menyusut 54.7% suku tahun ke suku tahun) bersama-sama pendapatan berjumlah RM32.4 juta (menyusut 20.6% suku tahun ke suku tahun) pada suku pertama tahun kewangan 2023 berakhir 31 Mac 2023.</p> <p>Sektor runcit terus berdepan kesukaran berikutan sentimen pengguna yang lemah yang dipengaruhi oleh kenaikan kos sara hidup dan kadar faedah yang tinggi.</p> <p>Namun begitu, syarikat berjaya meningkatkan margin untung</p>

		<p>kasarnya (meningkat 69.4% pada suku pertama 2023 berbanding 66.6% pada suku pertama 2022) melalui pengurusan diskaun yang cekap dan pengubahsuaian harga.</p> <p>Lembaran imbangan menunjukkan kedudukan kewangan yang menggalakkan iaitu tunai bersih dengan tunai dan dana pendapatan tetap berjumlah RM48.9 juta. Walaupun suku tahun akan datang bakal menyaksikan cabaran yang sama, ia menjangkakan keuntungan dengan mengutamakan nilai pelanggan dan keberkesanan operasi.</p>
08.06.23 (Khamis) 10.00 pagi	Karex Berhad (EGM)	Karex berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk cadangan penubuhan Skim Opsyen Saham Pekerja ( <i>Employees' Share Option Scheme, ESOS</i> ) sehingga 10% daripada saham terbitannya serta cadangan peruntukan opsyen ESOS kepada pengarah Karex dan individu yang berkaitan.
08.06.23 (Khamis) 11.00 pagi	GDEX Berhad (AGM)	<p>Pendapatan GDEX mencecah RM383.5 juta bagi tahun kewangan 2022, manakala pendapatannya yang didaftarkan dalam tempoh kewangan 18 bulan berakhir 31 Disember 2021 (tempoh kewangan berakhir 2021) adalah sebanyak RM636.9 juta.</p> <p>Segmen penghantaran ekspres iaitu penyumbang pendapatan terbesar kumpulan, menyaksikan sentimen pasaran yang lemah dan permintaan daripada aktiviti perniagaan dalam talian dalam pasaran Malaysia kembali normal, apabila sesetengah pengguna memilih untuk berbelanja di kedai fizikal selepas pandemik. Kumpulan mencatatkan rugi bersih berjumlah RM15.3 juta pada tahun kewangan 2022 berbanding untung bersih RM42.4 juta pada tempoh kewangan berakhir 2021.</p>
08.06.23 (Khamis) 11.00 pagi	TDM Berhad (AGM)	TDM melabuhkan tirai tahun kewangan 2022 dengan rekod pendapatan tertinggi sebanyak

		<p>RM614.4 juta, peningkatan 20% berbanding tahun sebelumnya. Kedua-dua segmen perniagaan Kumpulan mencatatkan lonjakan dalam pendapatan. Pendapatan Bahagian Perladangan meningkat 17% kepada RM335.4 juta, manakala pendapatan Bahagian Penjagaan Kesihatan meningkat 24% kepada paras tertinggi sepanjang masa iaitu berjumlah RM279.0 juta. Sementara itu, untung selepas cukai daripada operasi berterusan menyusut kepada RM17.0 juta daripada RM53.7 juta pada tahun kewangan 2021.</p>
08.06.23 (Khamis) 11.00 pagi	MSM Malaysia Holdings Berhad (AGM)	<p>MSM merekodkan pendapatan berjumlah RM2.56 bilion pada tahun kewangan 2022 berbanding RM2.26 bilion pada tahun sebelumnya terutamanya disebabkan oleh harga jualan purata yang lebih tinggi secara keseluruhan.</p> <p>Walaupun pendapatan lebih tinggi, Kumpulan mencatatkan rugi bersih berjumlah RM178.71 juta berbanding untung bersih RM36.62 juta pada tahun sebelumnya. Kerugian itu disebabkan oleh kos input yang tinggi terutamanya gula mentah dan gas asli serta Ringgit Malaysia yang lemah.</p> <p>Meskipun pasaran tempatan dan eksport menyaksikan permintaan yang lebih kukuh, kos input yang tinggi terus menjadi penghalang kepada peningkatan prestasi kewangan Kumpulan. Kumpulan kekal fokus untuk menambah baik harga jualan purata dan meminimumkan kos.</p>
08.06.23 (Khamis) 02.00 petang	Supercomnet Technologies Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan meningkat sebanyak 10.2% tahun ke tahun kepada RM158.3 juta pada tahun kewangan 2022, didorong oleh pesanan jualan yang lebih tinggi daripada pelanggan sedia ada serta pesanan yang julung-julung kali diterima daripada pelanggan baharu. Untung selepas cukai mengatasi pertumbuhan pendapatan, meningkat sebanyak</p>

		<p>30.5% kepada RM32.9 juta disebabkan oleh peningkatan sumbangan daripada produk dengan margin yang lebih tinggi. Kumpulan tetap optimis mengenai prospeknya bagi tahun semasa di samping bersedia untuk melancarkan beberapa produk perubahan.</p>
08.06.23 (Khamis) 02.00 petang	Mr D.I.Y Group (M) Berhad (AGM)	<p>Prestasi pendapatan yang kukuh pada tahun kewangan 2022 (meningkat 18.2% tahun ke tahun) mendorong peningkatan ketara dalam metrik kewangan MR. D.I.Y dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Untung kasar meningkat 18.3%</li> <li>- EBITDA meningkat 11.3%</li> <li>- Untung bersih meningkat 9.5% tahun ke tahun.</li> </ul> <p>Cukai Makmur yang tidak berulang menjejaskan untung bersih Kumpulan tetapi margin untung kasar (<i>gross profit</i>, GP) kekal stabil pada 41.3%. Margin perolehan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (<i>earnings before interest, tax, depreciation and amortisation</i>, EBITDA) merosot disebabkan oleh perbelanjaan operasi yang lebih tinggi daripada kenaikan gaji minimum.</p> <p>Sementara itu, untung daripada operasi meningkat 8.6%, didorong oleh GP yang lebih tinggi namun terjejas oleh peningkatan kos pentadbiran dan operasi.</p> <p>Kedai-kedai MR. DIY dan MR. TOY menyaksikan pertumbuhan pendapatan, sementara Kumpulan merancang untuk memperhalus campuran produk kedai MR. DOLLAR dan meluaskan lagi rangkaian kedainya.</p>
09.06.23 (Jumaat) 11.00 pagi	SLP Resources Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mencatatkan pendapatan berjumlah RM185.7 juta pada tahun kewangan 2022, mewakili peningkatan sebanyak RM16.8 juta atau 9.9% berbanding RM168.9 juta yang dicatatkan pada tahun kewangan 2021. Kenaikan ini</p>



		<p>dipacu oleh jualan yang lebih tinggi bagi produk pembungkusan plastik fleksibel dan resin.</p> <p>Meskipun tahun kewangan 2022 menyaksikan pendapatan yang lebih tinggi, Kumpulan merekodkan untung kasar yang lebih rendah sebanyak RM27.4 juta berbanding RM30.1 juta pada tahun kewangan 2021, yang disebabkan oleh kos input dan kos buruh yang lebih tinggi.</p> <p>Namun begitu, ia melaporkan untung bersih yang lebih tinggi sebanyak RM20.6 juta berbanding RM17.7 juta pada tahun kewangan 2021, yang disumbangkan oleh keuntungan tidak berulang daripada pelupusan tanah dalam tahun kewangan 2022.</p>
--	--	--

<b>Perkara penting untuk diketengahkan:</b>	
<b>Syarikat</b>	<b>Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan</b>
MI Technovation Berhad (AGM)	<p>Unit Perniagaan Peralatan Semikonduktor (<i>Semiconductor Equipment Business Unit</i>, SEBU) mengeluarkan dan menjual peralatan untuk proses pengilangan semikonduktor seperti peralatan untuk pemasangan dan pembungkusan, pemeriksaan penglihatan, pengikatan acuan dan ujian akhir. Pada tahun kewangan 2022, segmen SEBU mencatatkan penurunan dalam pendapatan sebanyak 27% kepada RM182.9 juta. (Halaman 17-18, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>a) Berapakah jumlah kapasiti dan kadar penggunaan purata SEBU pada tahun kewangan 2022?</p> <p>b) Apakah keterlihatan pesanan semasa?</p> <p>c) Adakah Kumpulan menjangkakan pendapatan akan terus menyusut pada tahun kewangan 2023?</p> <p>d) Bagaimanakah prospek Kumpulan pada masa hadapan?</p>
Sinaran Advance Group Berhad (AGM)	<p>1. <u>Kerugian rosot nilai ke atas penghutang perdagangan</u> Terdapat kerugian rosot nilai bersih ke atas penghutang perdagangan pembinaan berjumlah RM2,391,000 (Kerugian rosot nilai RM2,708,000 tolak pembalikan RM317,000) (tahun kewangan 2021: RM460,000) (Halaman 122, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>a) Penghutang manakah yang terlibat dalam rosot nilai ini?</p>

	<p>b) Adakah amaun itu boleh dikutip semula? Apakah tindakan yang diambil untuk mendapatkan semula semua penghutang yang dirosot nilai? Berapakah jumlah penghutang yang dirosot nilai yang berjaya dikutip semula sehingga kini?</p> <p>2. Jumlah kos yang dibelanjakan untuk fungsi audit dalaman Kumpulan yang disumber luar bagi tahun kewangan 2022 adalah kira-kira RM10,000 (Halaman 61, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>Memandangkan yurannya agak kecil (kira-kira RM833 sebulan), bagaimanakah jawatankuasa audit mendapatkan jaminan bahawa terdapat perlindungan yang mencukupi dan fungsi audit dalaman yang berkesan? Apakah bidang yang diliputi oleh fungsi audit dalaman bagi tahun kewangan 2022? Berapakah jumlah laporan audit dalaman yang dikeluarkan pada tahun kewangan 2022?</p>
UEM Sunrise Berhad (AGM)	<p>Setia Haruman Sdn. Bhd., ("SHSB"), syarikat bersekutu Kumpulan melaporkan pendapatan yang jauh lebih tinggi berjumlah RM98.5 juta pada tahun kewangan 2022 berbanding RM62.5 juta pada tahun kewangan 2021.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, untung sebelum cukai (<i>profit before tax</i>, PBT) yang dilaporkan adalah jauh lebih rendah iaitu berjumlah RM11.6 juta pada tahun kewangan 2022 berbanding RM53.8 juta pada tahun kewangan 2021. (Halaman 315, Laporan Tahunan Bersepadu)</p> <p>a) Mengapakah SHSB mencatatkan pendapatan yang tinggi tetapi PBT yang rendah pada tahun kewangan 2022?</p> <p>b) Bagaimanakah prospek SHSB pada tahun kewangan 2023?</p>
Malaysian Resources Corporation Berhad (AGM)	<p>Margin untung kasar Kumpulan meningkat 1.5% pada tahun kewangan 2022 iaitu daripada 12.4% pada tahun kewangan 2021 kepada 13.9% pada tahun kewangan 2022. (Halaman 90, Laporan Tahunan Bersepadu)</p> <p>Walaupun terdapat peningkatan dalam margin untung kasar pada tahun kewangan 2022, ia masih rendah berbanding tahun-tahun sebelumnya. Margin untung kasar bagi tahun kewangan 2018 hingga tahun kewangan 2020 masing-masing adalah 19.9%, 22.6% dan 21.0%.</p> <p>a) Mengapakah margin untung kasar berada pada arah aliran menurun sejak dua tahun yang lalu? Sila jelaskan.</p> <p>b) Segmen perniagaan Kumpulan manakah yang mencatatkan margin untung kasar yang lebih rendah pada tahun kewangan 2022 berbanding tahun kewangan 2021?</p>

	c) Bagaimanakah Kumpulan dapat meningkatkan lagi margin untung kasarnya pada masa hadapan?
Innature Berhad (AGM)	<p>Berdasarkan keputusan suku tahunan Syarikat bagi tempoh kewangan berakhir 31 Mac 2023, sebahagian besar pendapatan InNature, iaitu sebanyak 83.2%, diperoleh daripada rangkaian tempat jualan fizikalnya yang terdiri daripada 113 kedai runcit dan 6 kedai <i>pop-up</i>.</p> <p>a) Bagaimanakah Syarikat bertindak balas secara strategik terhadap penguasaan e-dagang yang semakin meningkat dalam industri runcit bagi mengekalkan daya saing dan memacu pertumbuhan pendapatan?</p> <p>b) Adakah Syarikat merancang untuk mengurangkan pergantungan mereka kepada tempat jualan fizikal dan meningkatkan aliran pendapatan dalam industri runcit melalui saluran digital dan dalam talian?</p> <p>c) Jika ya, bagaimanakah Syarikat merancang untuk memperoleh bahagian pasaran digital serta meningkatkan kehadirannya dalam ruang runcit dalam talian? Apakah inisiatif atau perkongsian digital yang sedang dipertimbangkan untuk mencapai matlamat ini?</p> <p>d) Jika tidak, apakah tindakan yang diambil oleh Syarikat, jika ada, untuk mengoptimumkan prestasi dan keuntungan tempat jualan fizikalnya, memandangkan industri runcit semakin beralih kepada saluran digital dan dalam talian?</p> <p>e) Apakah strategi pengembangan Syarikat untuk rangkaian kedai runcit fizikalnya? Adakah Syarikat mensasarkan kawasan atau pasaran tertentu? Apakah faktor yang dipertimbangkan dalam pengembangan strategik?</p>
Karex Berhad (EGM)	<p>Istilah "Pekerja" dalam Skim Opsyen Saham Pekerja (<i>Employees' Share Option Scheme, ESOS</i>) secara jelas menunjukkan bahawa skim itu bertujuan memberikan manfaat kepada pekerja dan penyertaannya hanya dibuka kepada pekerja syarikat. Justeru, Pengarah Bukan Eksekutif Bebas (<i>Independent Non-Executive Directors, INED</i>), yang berkhidmat dalam kapasiti bukan eksekutif, tidak diklasifikasikan sebagai pekerja syarikat.</p> <p>MSWG tidak menggalakkan penyertaan INED dalam sebarang bentuk opsyen saham disebabkan peranan dan tanggungjawab pengurusan bukan eksekutif mereka dalam mengawasi peruntukan opsyen saham kepada pengarah eksekutif dan pekerja.</p> <p>Penyertaan empat INED iaitu Dato' Dr. Ong Eng Long @ Ong Siew Chuan, Profesor Dato' Dr. Adeeba binti Kamarulzaman, Dato' Edward Siew Mun Wai dan Chew Fook Aun dalam</p>

	<p>Cadangan ESOS menimbulkan kekusaran yang berhubung kait dengan potensi konflik kepentingan, melenyapkan kebebasan, menjejaskan objektiviti dan pemeliharaan nilai pemegang saham. Risiko ini timbul kerana INED mungkin dipengaruhi oleh kepentingan kewangan peribadi yang dikaitkan dengan prestasi harga saham, lalu menjejaskan objektiviti mereka dalam tugas pengawasan dan proses membuat keputusan.</p> <p>a) Memandangkan INED tidak mempunyai tanggungjawab eksekutif dan sudah pun diberikan ganjaran yang secukupnya melalui yuran pengarah dan manfaat lain, apakah justifikasi yang kukuh untuk memasukkan mereka dalam ESOS yang dicadangkan?</p> <p>b) Dinyatakan dalam Pekeliling bahawa Cadangan ESOS dipanjangkan kepada pengarah bukan eksekutif Kumpulan Karex untuk mengiktiraf sumbangan mereka yang dikaitkan dengan tanggungjawab mereka sebagai pengarah bukan eksekutif dan untuk membolehkan mereka mengambil bahagian dalam pertumbuhan Kumpulan pada masa hadapan.</p> <p>Bagi memastikan ketelusan dan kesaksamaan sewaktu memperuntukkan Opsyen ESOS, apakah tindakan yang diambil bagi memastikan peruntukan itu terikat secara langsung dengan prestasi mereka dan nilai yang dibawa oleh mereka kepada Kumpulan?</p>
<p>GDEX Berhad (AGM)</p>	<p>Web Bytes, sebuah syarikat teknologi yang beribu pejabat di Pulau Pinang, ialah perintis serantau bagi penyelesaian <i>Point-of-Service</i> (POS) berasaskan awan. GDEX memegang 38.0% kepentingan dalam syarikat itu selepas pemerolehan tambahan sebanyak 5.31% ekuiti dengan balasan pertimbangan berjumlah RM7.2 juta pada Ogos 2022. (Halaman 18, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>Cadangan pengambilalihan telah dimuktamadkan pada 12 Ogos 2022 mengikut terma SSPA dan Syarikat telah melanggan tambahan 41,496 saham biasa dengan jumlah pertimbangan RM16,269,436. Peratusan pegangan saham yang dipegang oleh Syarikat dalam Web Bytes telah meningkat daripada 32.69% kepada 38.00%. (Halaman 193, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>a) Sila jelaskan berapa banyak yang telah dibayar oleh GDEX untuk memperoleh 5.31% pegangan tambahan dalam Web Bytes?</p> <p>b) Walaupun GDEX mempunyai kawalan ke atas Web Bytes selepas memperoleh pegangan saham tambahan dalam Web Bytes, apakah justifikasi untuk memperoleh Web Bytes pada penilaian yang tinggi?</p> <p>c) Berapakah nilai dan apakah potensi Web Bytes?</p>

<p>TDM Berhad (AGM)</p>	<p>TDM telah membuat penilaian semula terhadap Wawasan 2025 yang diluluskan dan melanjutkannya kepada Wawasan 2027. (Halaman 49, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>a) Segmen perladangan menyasarkan untung selepas cukai (<i>profit after tax, PAT</i>) sebanyak RM80 juta. Apakah harga purata minyak sawit mentah (<i>crude palm oil, CPO</i>) yang diandaikan untuk mencapai sasaran ini?</p> <p>b) Pengeluaran tandan buah segar (<i>fresh fruit bunch, FFB</i>) berjumlah 277,739 tan metrik pada tahun kewangan 2022. Purata umur pokok kelapa sawit anda di Malaysia ialah 18 tahun. Dari manakah punca pertumbuhan bagi TDM untuk mencapai pengeluaran FFB sebanyak 386,700 tan metrik pada tahun 2027?</p> <p>c) Sila jelaskan pembelian hasil tanaman dari luar (<i>Outside Crop Purchases, OCP</i>) yang berjumlah 150,000 tan metrik. Adakah ini pengeluaran minyak sawit mentah? Jika ya, dari manakah punca pertumbuhan itu?</p> <p>d) Berapakah purata kos pengeluaran minyak sawit mentah pada tahun kewangan 2022 berbanding tahun kewangan 2021? Apakah jangkaan untuk tahun kewangan 2023?</p>
<p>MSM Malaysia Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Kumpulan MSM mencatatkan kerugian daripada operasi sebanyak RM150.57 juta berbanding keuntungan daripada operasi pada tahun sebelumnya berjumlah RM125.56 juta. Ini terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga gula mentah, kos gas asli dan kos pengangkutan yang lebih tinggi serta Ringgit Malaysia yang lemah yang membawa kepada kos input keseluruhan yang lebih tinggi. (Halaman 22 &amp; 34, Laporan Tahunan Bersepadu 2022).</p> <p>a) Adakah Syarikat menjangkakan kos input seperti harga gula mentah, harga gas asli dan kadar penghantaran akan kembali normal pada setengah tahun kedua 2023?</p> <p>b) Apakah strategi penetapan harga pihak pengurusan untuk segmen Borong, Industri dan Eksport bagi tahun kewangan 2023, dengan mengambil kira keadaan pasaran semasa dan dinamik kos? Adakah semakan harga jualan purata akan dibuat sekali lagi pada setengah tahun kedua 2023?</p> <p>c) Apakah prospek Syarikat terhadap margin keuntungan? Adakah Syarikat menjangkakan margin keuntungan menjadi normal, stabil atau berpotensi bertambah baik pada tahun kewangan 2023?</p> <p>d) Apakah perkembangan terkini penglibatan Syarikat dengan kementerian kerajaan yang berkaitan mengenai pengapungan harga siling bagi gula runcit?</p>

<p>Supercomnet Technologies Berhad (AGM)</p>	<p>Kumpulan kekal yakin dengan prospeknya lantaran beberapa produk perubatan dan pemasangan tempatan alat ganti automotif bakal dilancarkan. Produk Perubatan Supercomal (<i>Supercomal Medical Products, SMP</i>) akan terus menjadi pemacu pertumbuhan utama. Keuntungan Kumpulan dijangka berkembang selaras dengan pendapatan, kecuali berlaku keadaan yang tidak dijangka (Halaman 26, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>a) Sila berikan butiran lanjut mengenai produk perubatan yang bakal dilancarkan dan pemasangan tempatan alat ganti automotif yang dijangka menyumbang kepada pertumbuhan Kumpulan.</p> <p>b) Apakah produk perubatan baharu yang dijadualkan untuk dilancarkan pada tahun 2023? Berapakah daripadanya sudah pun menerima kelulusan Pentadbiran Makanan dan Ubat-ubatan?</p> <p>c) Melihat strategi Kumpulan yang sedia ada dan pandangan tentang keadaan pasaran semasa, adakah Kumpulan menjangkakan penguncupan atau pengembangan margin keuntungannya pada tahun kewangan 2023?</p>
<p>Mr D.I.Y Group (M) Berhad (AGM)</p>	<p>1. Terdapat kerugian inventori berjumlah RM17.21 juta bagi tahun kewangan 2022 (tahun kewangan 2021: RM11.35 juta) (Halaman 118, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>a) Apakah jenis kerugian inventori yang ditanggung pada tahun kewangan 2022?</p> <p>b) Apakah yang menyebabkan kerugian inventori yang tinggi?</p> <p>c) Apakah tindakan yang diambil untuk meminimumkan kerugian ini pada masa hadapan?</p> <p>2. Kumpulan mempunyai inventori yang dihapus kira berjumlah RM16.0 juta pada tahun kewangan 2022 berbanding RM10.6 juta pada tahun kewangan 2021, dengan peningkatan sebanyak RM5.4 juta atau 51% (Halaman 118, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>a) Sila berikan pecahan inventori yang dihapus kira, mengikut kategori inventori.</p> <p>b) Apakah punca di sebalik hapus kira inventori yang tinggi pada tahun kewangan 2022?</p> <p>c) Apakah jangkaan nilai skrap bagi inventori yang dihapus kira?</p>
<p>SLP Resources Berhad (AGM)</p>	<p>Bagi tiga bulan berakhir 31 Mac 2023, Kumpulan mencatatkan penurunan pendapatan sebanyak 11.5% kepada RM40.27 juta</p>

	<p>berbanding RM45.52 juta pada suku pertama tahun kewangan 2022.</p> <p>Sementara itu, untung sebelum cukai susut 30.5% kepada RM4.04 juta daripada RM5.8 juta setahun yang lalu. Ini menghasilkan margin keuntungan yang jauh lebih rendah sebanyak 10% berbanding 12.8% dalam tempoh yang sama sebelum ini, sebahagiannya disebabkan oleh peningkatan kos operasi sejak awal tahun 2023.</p> <p>a) Melihat permulaan yang lemah bagi tahun kewangan 2023, adakah Kumpulan menjangkakan pemulihan dalam pendapatan pada suku tahun akan datang? Sejauh manakah SLP dapat mengekalkan pertumbuhan jualan dan margin keuntungan yang serupa pada tahun kewangan 2022 (tidak termasuk keuntungan pelupusan tidak berulang berjumlah RM5.1 juta yang direkodkan)?</p> <p>b) Jualan eksport menyusut 31% tahun ke tahun kepada RM13.86 juta daripada RM19.86 juta pada suku pertama tahun kewangan 2022, dengan nilai jualan diterajui oleh pasaran Jepun.</p> <p>Jualan eksport menyumbang 40.8% daripada pendapatan SLP pada tahun kewangan 2022. Bagaimanakah jangkakan prestasi jualan eksport pada tahun kewangan 2023?</p> <p>c) Jualan kepada pelanggan domestik kekal berdaya tahan iaitu berjumlah RM26.59 juta berbanding RM25.66 juta pada suku pertama tahun kewangan 2022. Adakah jualan kepada pasaran domestik mencukupi untuk mengimbangi permintaan yang lemah daripada pasaran eksport?</p> <p>Sejauh manakah perbezaan campuran jualan dan margin keuntungan produk yang dijual kepada pasaran domestik berbanding pasaran eksport?</p>
--	---

#### PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, ([devanesan@mswg.org.my](mailto:devanesan@mswg.org.my))

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ooi.benghooi@mswg.org.my](mailto:ooi.benghooi@mswg.org.my))

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([jackson@mswg.org.my](mailto:jackson@mswg.org.my))

Clint Loh, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([clint.loh@mswg.org.my](mailto:clint.loh@mswg.org.my))

Nur Amirah Amirudin, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([nuramirah@mswg.org.my](mailto:nuramirah@mswg.org.my))

---

#### PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- *Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.*
- 

#### PENOLAKAN TUNTUTAN

*Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).*

*Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*

*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*